

Headline	FAMAFest 2020 bakal tarik 100,000 pengunjung		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	25 Feb 2020	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	28	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	138 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 821
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,463



## FAMAFest 2020 bakal tarik 100,000 pengunjung

**IPOH:** Kira-kira 100,000 pengunjung dijangka hadir ke program Fiesta Buah, Bunga & Makanan 2020 atau FAMAFest 2020 yang akan dianjurkan di Dataran Alamanda, Parit Buntar pada 27 Februari hingga 3 Mac ini.

Pengerusi Kemudahan Awam dan Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan negeri, Datuk Abdul Yunus Jamahri berkata, fiesta anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak itu menyasarkan jualan bernilai RM2 juta ringgit.

Beliau berkata, menariknya FAMAFest yang memasuki tahun ketiga itu akan menggabungkan usahawan dari tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

"Fiesta yang berlangsung selama lima hari itu juga membawakan Bazar Peduli Rakyat yang menjual barangan makanan seperti, ayam, sayur dan buah pada harga lebih rendah dari pasaran iaitu dari lima hingga 20 peratus.

"Pada tahun ini juga seramai 100 usahawan dari tiga buah negeri terlibat. Selain itu, pelbagai pengisian aktiviti dirancang sepanjang tempoh program berlangsung, antaranya ceramah agama, pertandingan dan pameran," katanya kepada pemberita dalam satu sidang media mengenai program Fiesta Buah, Bunga, Makanan 2020 di Kompleks Penyiaran Negeri Perak di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Yunus berkata, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dijangka hadir bagi merasmikan program pada 27 Februari ini jam 2.30 petang. — Bernama